

UCAPAN BAJET TAHUN 2006 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1. PENDAHULUAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izinNya dapat saya membentangkan Bajet DBKL 2006 pada hari ini. Tema Bajet 2006 ialah 'Bersama Kuala Lumpur Ke Arah Kecemerlangan'.

2. Dalam penyediaan Bajet 2006 ini, strategi Bajet Negara 2006 iaitu memesatkan kegiatan ekonomi, menyediakan persekitaran mesra perniagaan, membangunkan modal insan, meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat telah diambil kira. Selaras dengan itu, fokus DBKL masih memberi penekanan kepada aspek-aspek kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup semua golongan warga kota. Program-program seperti menyediakan kemudahan infrastruktur bagi tujuan menjana ekonomi bandar, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan wargakota, meningkatkan tahap keselamatan warga kota, melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan sosial bagi tujuan integrasi masyarakat bandar dan menjana ekonomi bandar melalui penyediaan ruang-ruang perniagaan khususnya untuk perniagaan kecil akan dilaksanakan.

3. Di samping itu DBKL juga akan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) kepada warga kota seperti mempertingkatkan tahap perkhidmatan kebersihan dan penyelenggaraan bandar dengan lebih berkesan, mempertingkatkan ciri-ciri keindahan bandar, mempercepatkan proses pengeluaran kelulusan perancangan, mempercepatkan proses pengeluaran lesen perniagaan/penjajaan, mempercepatkan proses pengagihan perumahan awam kepada mereka yang berkelayakan, mempertingkatkan penyediaan kemudahan ICT yang lebih cekap dan berkesan, memperkemaskan budaya khidmat mesra pelanggan, mempertingkatkan budaya penyelenggaraan bandar dengan penglibatan warga kota dan sebagainya.

2. BAJET 2006

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

4. Bagi tahun 2006, DBKL dijangka akan membelanjakan sejumlah 2,007.14 juta ringgit berbanding 1,810.34 juta ringgit pada tahun 2005. Ini merupakan kenaikan sebanyak 196.80 juta ringgit bersamaan 10.87%.

5. Dari jumlah peruntukan untuk tahun 2006 sejumlah 2,007.14 juta ringgit, 1,048.40 juta ringgit atau 52.23% adalah untuk perbelanjaan mengurus. Manakala 958.74 juta ringgit atau 47.77% merupakan perbelanjaan pembangunan.

6. Perbelanjaan pembangunan akan dibiayai oleh lebihan terkumpul tahun-tahun lepas iaitu sebanyak 636.48 juta ringgit, bantuan dari Kerajaan Pusat 287.46 juta ringgit dan lain-lain sumber seperti Caruman dari Dana Cukai Am, Pembangunan Usahasama dan Penswastaaan serta Sumbangan Berkanun dari Pemaju iaitu 34.8 juta ringgit.

3. BAJET MENGURUS

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

7. Bajet mengurus akan terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan tahap perkhidmatan perbandaran. Sejumlah 246.47 juta ringgit atau 23.51% telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembersihan, pengurusan pasar, penjaja dan kesihatan.

8. Untuk menyelenggara jalan dan pengurusan lalulintas, sejumlah 123.79 juta ringgit atau 11.81% telah diperuntukkan. Manakala pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam sebanyak 142.88 juta ringgit atau 13.63% dijangka akan dibelanjakan. Selain dari itu, kerja-kerja pengindahan juga diperuntukkan dengan jumlah 121.57 juta ringgit atau 11.59%.

9. Belanja untuk Emolumen pula adalah sebanyak 340.24 juta ringgit atau 32.45% daripada bajet mengurus.

Perbelanjaan Emolumen ini perlu disediakan secukupnya untuk membolehkan jentera DBKL dapat bergerak secara lebih berkesan.

4. BAJET PEMBANGUNAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

10. Daripada keseluruhan bajet pembangunan iaitu sejumlah 958.74 juta ringgit, sejumlah 233.58 juta ringgit atau 24.36% telah diperuntukkan untuk pembangunan kemudahan sosial dan rekreasi. Dari jumlah tersebut, 227.38 juta ringgit akan dibelanjakan untuk pembinaan bangunan-bangunan pasar dan gerai, kompleks sukan, taman-taman rekreasi dan pelbagai kemudahan masyarakat. Selain daripada itu, 6.20 juta ringgit telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek pembangunan sosial dan masyarakat.

11. Manakala sejumlah 575.39 juta ringgit atau 60% daripada bajet pembangunan telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembinaan dan menaiktaraf sistem pengurusan pengangkutan/lalulintas, kerja-kerja jalan raya dan pembangunan tempat letak kereta. Sementara itu, kerja-kerja perparitan dan penyelenggaraan sungai telah diperuntukkan sebanyak 64.50 juta ringgit atau 6.72% daripada bajet pembangunan.

5. HASIL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

12. Anggaran hasil untuk tahun 2006 adalah sejumlah 1,025.80 juta ringgit manakala hasil untuk tahun 2005 ialah 972.10 juta ringgit. Ini merupakan peningkatan hasil untuk tahun 2006 kepada 53.70 juta ringgit atau 5.53%.

13. Daripada anggaran hasil sebanyak 1,025.80 juta ringgit, sejumlah 655.18 juta ringgit atau 63.87% merupakan hasil daripada cukai pintu yang dijangka akan meningkat sebanyak 4.80% jika dibandingkan dengan tahun 2005 iaitu hanya 625.18 juta ringgit. Manakala anggaran hasil bukan cukai dijangka sebanyak 266.20 juta ringgit atau 25.95% dan terimaan bukan hasil sebanyak 104.42 juta ringgit atau 10.18%.

14. Selain daripada hasil tersebut, DBKL dijangka akan menerima bantuan langsung dari Kerajaan Pusat untuk projek Rancangan Malaysia Ke 9 sejumlah 287.46 juta ringgit. Dengan mengambilkira sumbangan daripada pihak kerajaan dan anggaran hasil, jumlah pendapatan DBKL untuk tahun 2006 adalah sebanyak RM1,313.26 juta ringgit.

15. Berdasarkan hasil tahun 2006, DBKL dijangka mengalami bajet defisit sebanyak 27.60 juta ringgit. Defisit ini akan dibiayai oleh rezab modal.

16. DBKL tidak bercadang untuk menaikkan kadar cukai pintu untuk tahun 2006. Kadar cukai pintu ini telah tidak dinaikkan untuk tempoh lebih daripada 10 tahun. Walaupun DBKL tidak menaikkan kadar cukai pintu untuk satu tempoh yang lama tetapi dengan perancangan yang sistematik DBKL masih lagi dapat menampung kos perbelanjaan mengurus dan pembangunan dengan baik dan memuaskan berasaskan kepada sumber-sumber pendapatan yang sedia ada.

6. MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR BAGI TUJUAN MENJANA EKONOMI BANDAR

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

17. Dalam usaha DBKL membangunkan ekonomi bandar, kemudahan infrastruktur akan diberi keutamaan. Ini antara lain bertujuan untuk memberi keselesaan bukan sahaja penduduk warga kota malahan juga para pelabur. Bahkan ia juga boleh meningkatkan nilai tanah dan secara tidak langsung akan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk warga kota. Untuk tujuan ini pembangunan infrastruktur masih lagi diberi tumpuan di dalam Bajet 2006.

18. Sejumlah 431.10 juta ringgit atau 44.97% daripada bajet pembangunan disediakan untuk kerja-kerja jalanraya. Daripada jumlah ini, sebanyak 196.00 juta ringgit diperuntukkan untuk pembinaan dan menyiapkan 10 Jalan Sambungan (Missing Link) di antaranya ialah menyiapkan pembinaan Jalan Sultan Ismail ke Bulatan Kampung Pandan dan menyiapkan Lebuhraya Mahameru ke Jalan Sentul/Jalan 2/48A, membina 4 Persimpangan Bertingkat di

antaranya menyiapkan persimpangan bertingkat Pasar Borong dan membina persimpangan bertingkat di Jalan Kepong/Jalan Ambong.

19. Disamping itu DBKL juga akan membina 4 projek mempertingkatkan Infrastruktur di Kampung Tradisi dan Kampung Baru Wilayah Persekutuan seperti mempertingkatkan infastruktur di Kampung Baru Air Panas dan mempertingkatkan jalan-jalan sekitar Kampung Sungai Penchala. DBKL juga akan membina 4 buah jambatan seperti penggantian jambatan merentasi landasan KTM di Jalan Sultan Sulaiman dan pembinaan jambatan merentangi Sg Kelang di Jalan Tembikai.

20. Dengan menyediakan kemudahan jalanraya ini DBKL menjangkakan masalah lalulintas dapat dikurangkan ke tahap yang boleh memberi keselesaan kepada warga kota. Di samping itu program penyelenggaraan akan diteruskan untuk semua jalanraya di Wilayah Persekutuan supaya dapat melicinkan pergerakan lalulintas dan memberi keselesaan sepenuhnya kepada warga kota.

21. Tugas dan tanggungjawab DBKL juga adalah untuk menyelenggarakan beberapa sungai di Wilayah Persekutuan, parit induk dan mempertingkatkan sistem perparitan di kawasan-kawasan penempatan. Di samping itu DBKL juga terlibat secara langsung dalam membina dan menyelenggara rumah pam, membina kolam takungan banjir dan memasang pintu-pintu air automatik. Sejumlah 64.50 juta ringgit atau 6.73% daripada bajet pembangunan telah diperuntukkan bagi menyelenggara sungai dan mempertingkatkan sistem perparitan. Daripada jumlah ini, sebanyak 25.00 juta ringgit atau 38.76% adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan sungai, 22.50 juta ringgit atau 34.88% adalah untuk kerja-kerja perparitan dan pembinaan Kalbat, 4.50 juta ringgit atau 6.98% untuk pembinaan rumah pam dan bakinya sebanyak 12.50 juta ringgit atau 19.38% adalah untuk kerja-kerja pencegahan banjir.

22. Dengan penyediaan peruntukan bagi tujuan mempertingkatkan sistem perparitan sedia ada, membina kolam takungan banjir dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan perparitan serta dengan siapnya terowong SMART yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2006, ia merupakan satu pendekatan secara bersepadu bagi mengurangkan permasalahan banjir di Kuala Lumpur khususnya di kawasan tadahan sekitar Sungai Kelang.

23. Bagi tujuan memberi keselesaan terutamanya kepada pengguna pengangkutan awam, DBKL telah memperuntukkan sebanyak 20.25 juta ringgit atau 2.11% daripada bajet pembangunan untuk menyediakan kemudahan sokongan pengangkutan awam seperti kemudahan menunggu bas dan teksi, jejantas menyeberangi jalanraya, pembinaan siarkaki termasuk laluan siarkaki berbumbung. Di samping itu dengan siap sepenuhnya kemudahan 'Integrated Transportation Information System' (ITIS) yang pada masa ini telah beroperasi di Lembah Kelang telah memberi satu kemudahan maklumat terkini kepada warga kota mengenai keadaan lalulintas semasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Kemudahan ITIS ini merupakan satu kemudahan yang bersepadu yang dapat mengawal lalulintas dengan lebih berkesan dan dikawalselia melalui kawalan sistem berkomputer. (Maklumat projek kemudahan sokongan pengangkutan awam di Lampiran 6).

7. MENINGKATKAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN WARGA KOTA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

24. DBKL juga memberi penekanan kepada kemudahan awam yang boleh dijadikan sebagai alat perpaduan untuk semua lapisan masyarakat. Bagi memastikan masyarakat dapat berinteraksi dan menjalankan aktiviti-aktiviti setempat seperti pusat komuniti, klinik dan institusi keagamaan akan diperbanyakkan bagi memenuhi keperluan fizikal disamping aspek kerohanian warga kota.

25. Untuk tujuan di atas, sejumlah 28.25 juta ringgit atau 2.95% daripada bajet pembangunan telah diperuntukkan pada tahun 2006 untuk membina 6 buah pusat komuniti yang merupakan tambahan kepada sejumlah 32 Pusat Komuniti/Dewan Serbaguna yang sedia ada, membina 3 klinik terutamanya untuk kemudahan kanak-kanak dan ibu mengandung, membina 8 institusi keagamaan mengandungi 6 surau termasuk 4 surau yang akan ditempatkan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR), dan pembinaan sebuah kubur bersepadu di Semenyih, Selangor yang mempunyai keluasan 300 ekar untuk pelbagai agama dan dijangka dapat menampung keperluan sehingga tahun 2020. Di samping itu DBKL juga akan mempertingkatkan kemudahan krematorium sedia ada di Cheras.

26. Sukan boleh dijadikan sebagai alat penyatuan warga kota yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan berasal dari pelbagai negeri di Malaysia. Adalah menjadi harapan DBKL melalui program pembangunan sukan dan penyediaan pelbagai prasarana sukan, Kuala Lumpur dapat melahirkan atlet-atlet bertaraf dunia yang menjadi kebanggaan warga kota.

27. Untuk itu, sejumlah 12.10 juta ringgit atau 1.26% daripada bajet pembangunan diperuntukkan untuk pembinaan kemudahan sukan pada tahun 2006. Sebanyak 5.70 juta ringgit atau 47.11% dari peruntukan ini digunakan untuk membina dan menaiktaraf 13 padang awam dan padang bola.

28. Di samping itu DBKL juga bercadang menyediakan kemudahan futsal untuk golongan remaja. Kemudahan ini dicadang disediakan di beberapa lokasi yang dikenal pasti terutama di kawasan yang mempunyai ramai golongan remaja seperti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan disediakan sebagai salah satu komponen dalam menyediakan pusat komuniti serta kompleks sukan tahun 2006. DBKL juga akan meneruskan skim rangsangan kepada para atlet yang telah mencapai kejayaan dalam bidang sukan yang diceburi di pelbagai peringkat.

29. DBKL akan terus melengkapkan taman-taman sedia ada dan pewujudan taman baru dengan pelbagai kemudahan rekreasi bagi memberikan warga kota pilihan untuk beriadah mengikut usia dan citarasa masing-masing termasuklah untuk golongan orang kurang upaya.

30. Pada tahun 2006 terdapat 4 projek taman yang akan dilaksanakan iaitu Taman Pudu Ulu, Air Panas, Ampang Hilir dan Citypark Jalan Davis. Penyediaan taman-taman ini adalah sebagai tambahan kepada sejumlah 13 taman-taman awam yang sedia ada.

31. Selain daripada menyiapkan projek taman ini, DBKL akan mempertingkatkan taman-taman sedia ada seperti mempertingkatkan kemudahan rekreasi di Taman Tasik Perdana, Taman Lembah Kiara dan Taman Tasik Permaisuri. Sejumlah 14.50 juta ringgit atau 1.51% daripada bajet pembangunan telah diperuntukkan bagi pembinaan dan penyelenggaraan taman-taman ini termasuk penyediaan landskap.

32. Di samping itu DBKL juga akan terlibat di dalam menganjurkan Laman 2006 yang dijangka akan diadakan pada Julai 2006. Program ini bertujuan untuk mempamerkan konsep-konsep taman sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa, mengenengahkan kesenian landskap, menggalakkan pelbagai pihak sama-sama mencintai keindahan dan keceriaan alam sekitar.

33. DBKL juga memperuntukkan sejumlah 6.00 juta ringgit untuk pembinaan taman permainan kanak-kanak bagi memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk setempat.

8. PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

34. Perkhidmatan pembangunan masyarakat seharusnya diberi tempat yang setanding dengan pembangunan fizikal. Masyarakat yang sejahtera adalah sebagai satu jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur sentiasa berdaya saing dan berdaya maju. Aktiviti pembangunan masyarakat akan dipertingkatkan bagi menangani pelbagai masalah sosial seperti masalah lepak, dadah, vandalisme dan jenayah. Tumpuan akan diberi kepada kawasan-kawasan kediaman terutamanya perumahan awam. Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan termasuklah aktiviti sukan, kebudayaan, pendidikan, belia, kemasyarakatan, kesenian, kegiatan riadah dan sebagainya. Pada tahun 2006, sejumlah 2.79 juta ringgit telah diperuntukkan untuk menjalankan aktiviti berkenaan.

35. DBKL akan terus menyediakan kemudahan interaksi untuk pelbagai golongan masyarakat seperti menyelenggara pusat jagaan harian warga tua sedia ada seperti di Cheras, menyediakan ruang tadika dan taska di kawasan yang bersesuaian dan menyediakan pusat minda sihat untuk orang kurang siaman di Jalan Belfield, Kuala Lumpur.

9. MENYEDIAKAN PERSEKITARAN YANG SELESA KEPADA PELANCONG

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

36. Dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini, DBKL telah dan akan terus melaksanakan program-program pelancongan seperti menaikkan taraf kawasan-kawasan yang sering dikunjungi oleh pelancong seperti di Jalan Petaling, Jalan Masjid India, Ain Arabia di Jalan Berangan, Pusat Kraftangan di Jalan Semarak dan sebagainya.

37. Untuk tujuan ini, sejumlah 34.90 juta ringgit atau 3.64% daripada bajet pembangunan telah diperuntukkan untuk tahun 2006. Sejumlah 3.50 juta ringgit atau 10.03% diperuntukkan untuk promosi pelancongan seperti penyertaan pameran pelancongan antarabangsa, persembahan kebudayaan di luar negara, penyediaan brochure dan buku panduan. Di samping itu, geran tahunan sejumlah 1.00 juta ringgit dijangka akan diterima pada tahun 2006 melalui Kementerian Pelancongan Malaysia bagi tujuan mempromosikan pelancongan domestik.

38. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Majlis Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur telah diwujudkan dengan tujuan untuk mengatur aktiviti-aktiviti atau program-program pelancongan sepanjang tahun. Majlis ini bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan mengatur pelbagai aktiviti untuk mempromosikan Kuala Lumpur sebagai pusat utama warisan kebudayaan negara, destinasi membeli belah, makanan dan hiburan antarabangsa, pusat pendidikan dan perubatan serta Kuala Lumpur sebagai tempat persidangan, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).

39. Di samping itu Majlis ini juga akan bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk merancang, mempromosi serta menyelaraskan semua aktiviti ini supaya ianya selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara sebagai Tahun Melawat Malaysia 2007.

10. MENJANA EKONOMI BANDAR DENGAN PENYEDIAAN PELUANG - PELUANG PERNIAGAAN KHUSUSNYA UNTUK PENIAGA KECIL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

40. Pada masa ini terdapat sejumlah 44 buah pasar terbuka yang mengandungi 3,496 penjaja. Di samping itu terdapat lebih 13,000 penjaja statik yang menjalankan perniagaan di luar bangunan seperti di tepi dan bahu jalan. DBKL akan memberikan keutamaan kepada peniaga kategori ini untuk ditempatkan di pasar-pasar dan pusat-pusat penjaja yang akan dibina. Untuk tujuan ini DBKL menyediakan peruntukan sejumlah 37.49 juta ringgit atau 3.91% daripada bajet pembangunan untuk pembinaan dan menaiktaraf 32 bangunan pasar dan pusat penjaja termasuk pembinaan 5 bangunan pasar dan pusat penjaja yang baru.

41. Di samping itu juga DBKL akan membina dua buah pusat komersial yang menggabungkan kemudahan seperti pusat penjaja, arked, bazaar, dewan dan restoran makanan segera di samping mempunyai tempat letak kereta yang mencukupi, seperti di Bandar Baru Sentul dan PT 80 Jalan Masjid India. Jumlah peruntukan yang disediakan adalah sebanyak 6.50 juta ringgit.

42. DBKL akan terus menyediakan peluang-peluang perniagaan untuk golongan-golongan berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan iaitu dengan menyediakan beberapa lokasi yang bersesuaian untuk aktiviti pasar tani, pasar malam dan pasar dinikmati (midnight market).

11. MENJADIKAN BUDAYA PENYELENGGARAAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

43. DBKL menitikberatkan budaya penyelenggaraan bagi semua taman rekreasi, pasar, perumahan awam, stadium, kompleks sukan, lampu-lampu jalan, jalan-jalan raya dan sebagainya. Bagi tujuan ini, sejumlah 133.18 juta ringgit atau 12.70% daripada bajet mengurus telah diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

44. Wawasan DBKL adalah untuk memastikan semua kemudahan yang telah disediakan dapat diselenggarakan dengan sebaik mungkin dan ia juga bertujuan untuk memastikan kegunaannya dapat dioptimumkan oleh masyarakat. Ini dapat memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada penduduk warga kota di samping dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang selamat dan selesa untuk didiami.

12. MEMPERTINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN WARGAKOTA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

45. Keselamatan merupakan satu aspek yang harus diberi perhatian yang serius bukan sahaja kepada wargakota bahkan kepada para pelancong. Bandar yang selamat untuk didiami akan menarik para pelancong ke dalam negara ini. Bagi tujuan mempertingkatkan keselamatan warga kota dan pelancong, DBKL akan memperluaskan pemasangan CCTV di beberapa lokasi strategik di Kuala Lumpur. Pada masa ini terdapat sejumlah 9 CCTV telah dipasang di sekitar Kuala Lumpur dan maklumbalas awal daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memaklumkan kadar jenayah telah berkurangan 40% dari Januari 2005 hingga Jun 2005. Pada tahun 2006 DBKL telah memperuntukkan sejumlah 8.00 juta ringgit bagi pemasangan 30 unit CCTV di Kuala Lumpur.

46. DBKL juga telah memperuntukkan 11.50 juta ringgit bagi mempertingkatkan lain-lain aspek keselamatan warga kota iaitu dengan penyediaan bonggol untuk mengurangkan kelajuan, pagar keselamatan di siarkaki, pemasangan alat pengunci motosikal terutamanya di kawasan perumahan awam, menyediakan tempat perteduhan motosikal dan lain-lain. Dijangkakan dengan penyediaan pelbagai prasarana ini aktiviti jenayah seperti perbuatan menyeluk saku, kecurian, vandalisme, kemalangan jalan raya dan gejala sosial lain dapat dikurangkan.

13. MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

47. DBKL akan sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada warga kota. Sistem dan prosedur kerja akan terus diperkemaskan bagi mematuhi piawaian perkhidmatan seperti kecekapan, keberkesanan dan ekonomik. Sebagai contoh pengubahsuaian ruang legar DBKL yang akan menempatkan Pusat Khidmat Serentak di mana semua permasalahan melibatkan organisasi DBKL dapat diselesaikan dengan serta merta .

48. DBKL juga akan mengkaji semula Piagam Pelanggan sedia ada supaya ianya lebih realistik. Piagam Pelanggan ini bertujuan menjadi panduan kepada organisasi, kakitangan dan 'stake holder' dalam memberi dan mendapatkan perkhidmatan daripada DBKL.

49. Dalam masa yang sama penggunaan ICT secara menyeluruh boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti kakitangan DBKL. Pada tahun 2006 sejumlah 24.51 juta ringgit atau 2.55% daripada bajet pembangunan telah diperuntukkan bagi tujuan pembelian kelengkapan komputer dan pembangunan sistem. Di samping itu DBKL juga akan memastikan pegawai dan kakitangan diberi latihan secukupnya agar dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota.

50. Bagi tujuan memudahkan warga kota mendapat khidmat secara terus, DBKL telah mewujudkan program aduan bersemuka serta memperkemaskan peranan dan fungsi pejabat cawangan, di mana penduduk di peringkat akar umbi boleh berhubung secara terus dengan ibu pejabat melalui pejabat cawangan.

51. Langkah lain meningkatkan kecekapan ialah dengan menggunakan khidmat luar (outsourcing) bagi beberapa perkhidmatan. Ia penting bagi membolehkan DBKL menyesuaikan organisasinya selaras dengan keutamaan fungsi dan peranan yang sentiasa berubah. Bagi tujuan ini DBKL akan mengenalpasti beberapa perkhidmatan lagi yang perlu dan sesuai untuk menggunakan khidmat luar.

52. DBKL telahewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 pada Ogos 2004. Pelan Struktur ini merupakan pelan yang menjadi panduan perancangan bandar Kuala Lumpur sehingga tahun 2020. Bagi tujuan memperincikan dasar dan strategi Pelan Struktur Kuala Lumpur, Pelan Tempatan Kuala Lumpur untuk 6 Zon Strategik sedang disediakan. Pelan Tempatan Kuala Lumpur mengikut Zon Strategik dijangka dapat dipaparkan kepada umum pada penghujung tahun 2006. DBKL telah memperuntukkan sejumlah 6.50 juta ringgit untuk tahun 2006 bagi tujuan penyediaan pelan-pelan ini.

53. Selaras dengan mempertingkatkan kemudahan ICT di Wilayah Persekutuan, DBKL telah menyediakan kemudahan e-Aduan dan e-Perolehan yang dapat memberi kemudahan kepada warga kota untuk mendapatkan

perkhidmatan secara 'online'. Di samping itu DBKL juga akan menyediakan pelbagai kemudahan ICT untuk warga kota dengan menyediakan kemudahan e-Lesen, e-Perumahan dan sebagainya.

54. Dalam usaha DBKL untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada warga kota, DBKL telah mengubahsuai organisasi sedia ada dengan mewujudkan beberapa jabatan dan unit baru iaitu Jabatan Bangunan, Unit Pengekalan Seni Bandar dan Warisan, Unit Pembangunan Harta Tanah dan Unit Penyelenggaraan Bangunan. Jabatan Bangunan berperanan untuk mempercepatkan proses kelulusan pelan bangunan, mengeluarkan sijil layak menduduki dan membuat pemeriksaan kepada bangunan 4 tingkat dan ke atas yang melebihi 10 tahun. Unit Pengekalan Seni Bandar dan Warisan berperanan untuk memastikan ciri-ciri bangunan sedia ada yang mempunyai nilai-nilai sejarah dapat dikekalkan. Di samping itu untuk bangunan yang baru ciri-ciri fizikalnya perlu mengambil kira persekitaran fizikal sedia ada. Unit Pembangunan Harta Tanah berperanan untuk membangunkan tanah milik DBKL untuk pembangunan seperti perniagaan, perumahan dan sebagainya. Unit Penyelenggaraan Bangunan pula berperanan memastikan semua bangunan milik DBKL dapat diselenggara dengan sempurna dan dioptimumkan penggunaannya.

14. PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

55. Untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang seimbang dan mempunyai taraf kehidupan yang bermutu, pembangunan fizikal dan infrastruktur sahaja tidak mencukupi. Pembangunan warga kota itu sendiri perlu dipertingkatkan selaras dengan pembangunan fizikal. Oleh itu dalam Bajet 2006 ini, di samping DBKL memberikan tumpuan yang lebih terhadap penyediaan kemudahan fizikal, aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat juga telah diberi perhatian.


56. DBKL menyeru dan terus merayu supaya warga kota dari pelbagai peringkat seperti peniaga, penjaja, kontraktor, ahli korporat, persatuan/pertubuhan bukan kerajaan, lain-lain agensi kerajaan dan semua pihak supaya sama-sama membangunkan dan menjadikan bandaraya Kuala Lumpur sebuah bandar yang bersih, kemas, indah dan selamat. Di samping itu DBKL juga amat berharap semua wargakota sama-sama bersedia setiap masa supaya sentiasa bersedia menyumbang ke arah bandaraya cemerlang iaitu selaras dengan matlamat DBKL menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.


	2005	2006		2005	2006
Hasil Cukai	625.18	655.18	Hasil Cukai	625	655.00
Hasil Bukan Cukai	253.88	266.20	Hasil Bukan Cukai	254	266.00
Terimaan Bukan Hasil	93.04	104.42	Terimaan Bukan Hasil	93	105.00

BAJET 2006

ANGGARAN HASIL TAHUN 2006
RM 1,025.80 JUTA




PERBANDINGAN HASIL 2005 dan 2006




	2005	2006		2005	2006	
Emolumen	321	340	Emolumen	320.54	340.24	32.45%
Perkhidmatan dan Bekalan	594	658	Perkhidmatan dan Bekalan	594.36	657.91	62.75%
Pemberian dan Kenaan Tetap	22	26	Pemberian dan Kenaan Tetap	21.89	25.88	2.47%
Lain-lain Perbelanjaan	23	22	Lain-lain Perbelanjaan	23.08	21.62	2.06%
Aset	3	3	Aset	2.90	2.75	0.26%
					1,048.40	

BAJET 2006

ANGGARAN MENGURUS TAHUN 2006
RM 1,048.40JUTA




PERBANDINGAN MENGURUS 2005 dan 2006



	2006	2005	%		2006	2005
Pembangunan Am	428.98	448.07	44.74%	Pembangunan Am	429	448
Jalanraya	431.10	293.70	44.97%	Jalanraya	431	294
Perparitan	64.50	61.20	6.73%	Perparitan	65	61
Perumahan Awam	18.70	31.60	1.95%	Perumahan Awam	19	32
Perumahan Rakyat	6.46	0.00	0.67%	Perumahan Rakyat	6	0
Letak Kereta	9.00	13.00	0.94%	Letak Kereta	9	13
Usahasama & Penswastan	0.00	0.00	0.00%	Usahasama & Penswastan	0	0
	958.74	847.57				

BAJET 2006

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2006
RM 958.74 JUTA



PERBANDINGAN PEMBANGUNAN 2005 dan 2006

